

Nahdatul Ulama bertemu Anwar di Jakarta



Anwar (lima dari kiri) bersama delegasi Pengurus Besar Nahdatul Ulama (NU) pimpinan Kiyai Haji Yahya Cholil Tsaqif dan jajarannya pada Selasa.

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Pengurus Besar Nahdatul Ulama (NU) pimpinan Kiyai Haji Yahya Cholil Tsaqif dan jajarannya, pada Selasa.

Menerusi perkongsian di Facebook, beliau berkata, pertemuan yang diadakan selepas selesai Program Temu Anwar di Jakarta, Indonesia telah menyentuh kepentingan menguasai dan memelihara ilmu turath serta keupaya-

an membaca situasi semasa.

“Saya singgung pengalaman panjang saya bersama Almarhum Abdurrahman Wahid (Gus Dur), mantan Presiden Indonesia serta pemimpin NU yang saya anggap sebagai sahabat setia dari waktu saya hadapi kesukaran dalam perjuangan politik saya.

“Saya juga zahirkan penghargaan kepada kepimpinan NU yang sudi hadir untuk bertemu dan bertukar pandangan,” kata Anwar. - *Bernama*